

# BIOGRAFI PENULIS

## KARYAWAN MALAYSIA

[←back](#)

### Prof. Dr. A. Wahab Ali



**A. WAHAB ALI** atau nama penanya Ila Bahaw dilahirkan pada 2 Mac 1941 di Kampung Sungai Kembang, Bangi, Selangor. Beliau memperoleh pendidikan awal di beberapa buah sekolah rendah di daerahnya sehingga tamat darjah 5. Kemudian dari tahun 1958-1962, beliau melanjutkan pengajian perguruan di MPSI). Beliau memperoleh tiga ijazah pengajian tinggi, iaitu Sarjana Muda Sastera (1970) dan Sarjana Sastera (1974) dari Universiti Malaya (UM), dan Doktor Falsafah dari Australian National University, Canberra, Australia dalam bidang kesusasteraan bandingan. Tajuk disertasi beliau ialah "The Emergence of the Novel in Modern Indonesian and Malaysian Literature: A Comparative Study." Selepas itu, A. Wahab aktif menulis dan namanya terukir di ujana sastera sehingga kini.



Dalam bidang kerjaya, A. Wahab pernah bertugas sebagai timbalan editor di Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga tahun 1971. Kemudian menjadi tutor di UM dan lima tahun kemudian (1975) dilantik sebagai pensyarah. Kecemerlangannya dalam lapangan akademik melayakkan beliau dilantik sebagai Profesor Madya pada tahun 1984 dan pada tahun 1992 beliau sekali lagi dinaikkan pangkat sebagai profesor di Jabatan Pengajian Melayu, UM. Beliau menyandang gelar Profesor Pengajian Melayu daripada Universiti Leiden, Belanda. Kemudian pada tahun 1997-1999 beliau dilantik secara kontrak sebagai Profesor di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kini A. Wahab menjadi pensyarah kontrak di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Dalam jagat penulisan kreatif, genre puisi menjadi pilihan A. Wahab. Kepenyairan A. Wahab dalam tahun 1960-an dan 1970-an telah berjaya mempelbagai dan memperkaya puisi dengan teknik yang baru dan gaya penulisan yang menarik. Dua buah kumpulan puisi perseorangan beliau yang diterbitkan ialah *Sajak Orang Berdosa* (1997) dan *Penemuan* (1975). Manakala sembilan buah antologi puisi bersama beliau ialah *Laungan* (1966), *Himpunan Sajak* (1969), *Bila Kita Berbicara* (1976), *Puisi-puisi Nusantara* (1981), *Lagu Kehidupan* (1983), *Bintang Mengerdip* (1984), *Bunga Gerimis* (1986), dan *Puisi Baharu Melayu 1961-1986* (1990).

Dalam genre novel, A. Wahab telah menghasilkan dua buah novel, *Angin Hitam* dan *Pemburu*. Beliau juga telah menghasilkan tidak kurang 30 buah cerpen dan sebahagian daripadanya terhimpun dalam sebuah kumpulan cerpen, *Daerah Pengalaman* (1979).

Sebagai ahli akademik, A. Wahab banyak menghasilkan penulisan esei, kajian dan kritikan sastera. Beliau juga sering kali diundang membentangkan kertas kerja terutamanya dalam bidang sastera. A. Wahab pernah menjadi Ketua Jemah Hakim, Sayembara Novel GAPENA yang pertama pada tahun 1976.

Kesungguhannya menghasilkan karya sastera dan ilmiah mewajarkan beliau memenangi beberapa anugerah. Antaranya termasuklah Hadiah Sastera Malaysia 1984/85, Hadiah Peraduan Cerpen, dan S.E.A Write Awards pada tahun 1994.

***Pohon Bayam***

Di hari tua seorang dia  
Merenung bekas tapak kaki usang  
Yang dalam terbenam  
Baru ditumbuhi pohon bayam  
Subur menjulang.

Dia merenung jejak khidmatnya  
Betapa dalam dasar ciptaannya  
Membenamkan benih-benih  
generasi gemilang  
Baru boleh tumbuh dan menjulang  
Setelah dia meninggalkan jawatan.

Petaling Jaya  
27 April 2000